

**SOALAN NO. 47****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN  
BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta PERDANA MENTERI menyatakan rasional berbentuk laporan lengkap dengan mengisytiharkan pelan keuntungan jangka pendek dan panjang di Parlimen kali ini ke atas cadangan Perdana Menteri untuk melabur di Amerika Syarikat baru-baru ini bagi menutup tohmahan-tohmahan pihak tertentu dan mendapat pembahasan daripada Ahli-Ahli Parlimen.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan negara yang kompetitif dan mampu untuk melabur di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat. Kelebihan Malaysia ini terbukti syarikat-syarikat Malaysia seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) berupaya meluaskan pelaburan global mereka keluar negara termasuk di Amerika Syarikat.

Mengambil kira peralihan dasar perdagangan dan pelaburan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Presiden Donald Trump, YAB Perdana Menteri semasa lawatan kerja beliau atas jemputan Presiden Amerika Syarikat dari 9 hingga 16 September 2017, telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan *value proposition* melalui peningkatan pelaburan daripada KWSP, Khazanah dan kerjasama antara Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan syarikat pembuat pesawat *The Boeing Company* (Boeing). Tawaran-tawaran ini sudah semestinya bersandarkan kepada prinsip manfaat bersama (*mutual benefit*) yang akan memberi faedah kepada kedua-dua buah negara.

Pada masa ini, pelaburan oleh KWSP di Amerika Syarikat adalah sebanyak USD6 bilion dan berhasrat untuk terus melabur di antara USD3 bilion hingga USD4 bilion lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setiap

pelaburan KWSP akan dikaji secara “*deal by deal basis*” dan melalui proses yang ketat, mantap dan menyeluruh. Sebahagian daripada strategi jangka panjang pelaburan KWSP adalah pembahagian aset pelaburan di dalam dan luar negara berpandukan Alokasi Aset Strategik (*Strategic Asset Allocation*) yang dirangka untuk menjana pulangan jangka panjang secara optima pada julat risiko yang berpadanan. Oleh itu, KWSP sentiasa berusaha mencari peluang untuk melabur dalam aset domestik dan global yang berkualiti serta menepati garis panduan dan profil risiko-pulangan KWSP sebagai sebuah dana simpanan persaraan.

Khazanah pula memiliki pelaburan bernilai USD400 juta dalam syarikat berteknologi tinggi di *Silicon Valley* serta masih meneliti beberapa pelaburan baru dalam usaha meningkatkan dana pelaburan di negara tersebut. Melalui penambahan pelaburan ini, ia dijangka akan meningkatkan lagi pulangan kepada Negara.

Selain dari itu, Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MAB dan Boeing telah dimeterai dengan pembelian pesawat-pesawat baru dan perkhidmatan penyelenggaraan. Ini merupakan pelaburan jangka panjang MAB yang seiring dengan pelan transformasi syarikat tersebut. Dengan pelaburan ini, MAB akan dapat memperkukuhkan lagi kedudukan syarikat penerbangan nasional yang secara tidak langsung akan menyumbang ke arah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkaitan industri penerbangan, pembuatan dan perkhidmatan.

Secara kesimpulannya, usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan Malaysia di luar negara termasuk Amerika Syarikat haruslah

101

dipandang sebagai peluang bagi meningkatkan lagi keuntungan dari pulangan pelaburan yang akan disalurkan semula ke negara kita.

Sekian, terima kasih.